

Instrumen Standard Penarafan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam **Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan**

Penilaian Kendiri Sekolah

TUJUAN:

Instrumen ini adalah untuk diguna pakai oleh sekolah bagi mengukur tahap pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan.

OBJEKTIF:

1. Mencerap status pelaksanaan KBAT dalam Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan.
2. Menilai pelaksanaan KBAT dalam Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan.

ASPEK YANG DICERAP:

1. Perancangan
2. Pelaksanaan
3. Latihan
4. Pemantauan dan Penilaian
5. ETOS

**Tanda Aras Pencapaian Standard KBAT
dalam Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan**

Tanda aras pencapaian standard KBAT dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan adalah berdasarkan kepada peratus pencapaian jumlah skor item dalam instrumen ini seperti jadual di bawah:

Skor	Penerangan
0 - 68 %	Tidak memenuhi tahap minimum pembudayaan KBAT dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan.
69 - 90 %	Telah mencapai tahap minimum pembudayaan KBAT dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan serta boleh dibimbing seterusnya.
91 - 100 %	Telah membudayakan KBAT dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan dengan cemerlang dan layak diberi penarafan.

Bahagian A – Maklumat Pemantau

1. Nama Pemantau :
2. Jawatan :
3. Tarikh :

Bahagian B - Maklumat Sekolah

1. Nama Sekolah:			Cop Rasmi Sekolah		
2. Alamat Sekolah:					
3. No Tel:		4. No Faks:			
5. Emel :					
6. Kod Sekolah:		7. Gred Sekolah:	A	B	C
8. Jenis Sekolah:	SM/ SK/ SJKC/ SJKT/ lain-lain (nyatakan): _____	9. Lokasi Sekolah:	B	LB	
10. PPD					

Bahagian C : Maklumat Pemimpin Yang Dicerap

1. Nama:			
2. Jantina:	L	P	
3. No. Tel.:			
4. Emel:			
5. Kelulusan Akademik Tertinggi:			
6. Kelulusan Ikhtisas:		7. Opsyen:	
8. Tempoh Perkhidmatan:	tahun		
9. Jawatan Dalam Pentadbiran:			
10. Pengalaman Sebagai Pentadbir:	tahun		

PENARAFAN SEKOLAH SEBAGAI SEKOLAH YANG MEMBUDAYAKAN KBAT
BORANG SKOR PEMIMPIN

Bulatkan pada skala yang dipilih.

DOMAIN/ITEM	SKALA			CATATAN
DOMAIN 1: PERANCANGAN				
1.1 Komitmen Pemimpin	1	2	3	
	Pemimpin sekolah mempunyai keupayaan memimpin program berkaitan KBAT tetapi bukti yang dikemukakan tidak meyakinkan dan masih terdapat jurang.	Pemimpin sekolah menunjukkan komitmen dan kefahaman kognitif yang baik untuk memimpin aktiviti KBAT.	Pemimpin sekolah menunjukkan komitmen yang tinggi dan bersungguh-sungguh , mempunyai pemahaman kognitif yang sangat baik untuk menggerakkan dan memimpin aktiviti KBAT dan memberikan harapan yang tinggi .	
1.2 Pemimpin Berfikiran Strategik	1	2	3	
	Pemimpin sekolah berpengetahuan tentang KBAT tetapi tidak dapat menyatakan harapan dan hasrat semasa merancang aktiviti KBAT semasa memimpin perancangan aktiviti KBAT.	Pemimpin sekolah mampu menggunakan pengetahuan tentang KBAT dan dapat menterjemahkan harapan dan hasrat dengan jelas semasa memimpin perancangan aktiviti KBAT.	Pemimpin sekolah mampu mengintegrasikan pelbagai pengetahuan tentang KBAT serta dapat menterjemahkan harapan dan hasrat secara jelas semasa memimpin perancangan aktiviti KBAT.	

DOMAIN/ITEM	SKALA			CATATAN
1.3 Jawatankuasa KBAT	1	2	3	
	Pemimpin sekolah mewujudkan Jawatankuasa KBAT secara <i>add hoc</i> . Namun kurang komitmen, tiada atau kurang merancang aktiviti berkaitan KBAT.	Pemimpin sekolah mewujudkan Jawatankuasa KBAT. Jawatankuasa KBAT berusaha dengan baik, kompeten dan mempunyai komitmen yang baik dalam merancang aktiviti berkaitan KBAT.	Pemimpin sekolah mewujudkan Jawatankuasa KBAT. Jawatankuasa KBAT menunjukkan komitmen yang tinggi dan cemerlang , mampu memotivasi guru-guru lain dan menunjukkan kesungguhan dalam merancang aktiviti berkaitan KBAT.	
DOMAIN 2: PELAKSANAAN				
2.1 Pemimpin sekolah menggalakkan penggunaan pemetaan visual dalam PdP guru (Contoh: alat berfikir, <i>graphic organizer</i> , dll)	1	2	3	
	Pemimpin sekolah berkeupayaan untuk menggalakkan guru menggunakan satu alat pemetaan visual tetapi penggunaan adalah minima, kurang dikaitkan dengan teknik penyualan, konsep penggunaan yang kabur/kurang tepat dan tidak meyakinkan.	Pemimpin sekolah berpengetahuan untuk memimpin guru menggunakan satu alat pemetaan visual, boleh mengaitkan dengan teknik penyualan serta menunjukkan kejelasan konsep penggunaannya.	Pemimpin sekolah berpengetahuan untuk memimpin guru menggunakan lebih dari satu alat pemetaan visual yang berkaitan dengan kemahiran berfikir, mengaitkannya dengan teknik penyualan dengan baik dan berkesan . Mereka menunjukkan kejelasan konsep yang sangat baik serta komitmen yang tinggi.	

DOMAIN/ITEM	SKALA			CATATAN
2.2 Pemimpin sekolah memastikan guru menggalakkan murid berfikir	1	2	3	
	Pemimpin sekolah berkeupayaan memimpin guru untuk menggalakkan murid berfikir pada tahap yang memuaskan, kurang meyakinkan dan masih terdapat jurang pemahaman.	Pemimpin sekolah berkeupayaan memimpin guru untuk menggalakkan murid berfikir pada tahap yang sederhana dan menunjukkan komitmen yang baik. Walaubagaimanapun, masih terdapat jurang pemahaman.	Pemimpin sekolah berkeupayaan memimpin guru untuk menggalakkan murid berfikir pada tahap yang cemerlang, berkesan dan penuh komitmen. Jurang pemahaman dirapatkan.	
DOMAIN 3: LATIHAN				
3.1 Jawatankuasa KBAT dilatih dan mempunyai kompetensi yang sesuai. Terdapat satu komitmen berterusan untuk menyediakan latihan untuk Jawatankuasa KBAT	1	2	3	
	Tiada Jawatankuasa KBAT dibentuk. Pemimpin sekolah melaksanakan program latihan KBAT secara <i>add hoc</i> . Penilaian keberkesanan program latihan kurang diberi penegasan. Sekolah menunjukkan kemajuan hanya pada tahap memuaskan. Secara keseluruhannya, rentak adalah perlahan dan terdapat terlalu banyak ketidakseragaman. Sokongan luaran diperlukan	Jawatankuasa KBAT dibentuk. Jawatankuasa KBAT dapat memimpin dengan baik, komited serta dapat membuktikan kejayaan dalam memacu perubahan. Latihan berasaskan standard dilakukan secara tekal dan maklum balas guru adalah positif. Perancangan adalah baik, pemantauan dan penilaian dilakukan secara konsisten.	Jawatankuasa KBAT dibentuk. Jawatankuasa KBAT menunjukkan harapan yang tinggi, sangat bermotivasi dan berjaya memacu perubahan. Jawatankuasa KBAT menunjukkan bukti pelaksanaan kualiti latihan yang tinggi, rancangan latihan disediakan dan dilakukan secara berterusan, berkualiti tinggi dan kerap dinilai. Jawatankuasa KBAT memberi sokongan padu kepada guru, bimbingan yang berkualiti	

DOMAIN/ITEM	SKALA			CATATAN
	agar berupaya untuk mempercepat kemajuan.		tinggi kepada individu dan memimpin latihan secara menyeluruh semasa melaksanakan aktiviti KBAT di sekolah.	
3.2 Pemimpin sekolah berupaya membangunkan tingkah laku personel secara positif.	1	2	3	
	Pemimpin sekolah sekali-sekala berupaya mewujudkan hubungan yang baik dengan warga sekolah.	Pemimpin sekolah sekali-sekala berupaya mewujudkan hubungan yang baik dengan warga sekolah serta menunjukkan bahawa mereka mengamalkannya.	Pemimpin sekolah secara konsisten dalam mewujudkan hubungan yang baik dengan warga sekolah serta menggalakkan mereka mengamalkannya.	
3.3 Pemimpin sekolah boleh menjana dan menyusun maklumat, membina kemahiran menganalisa dan mensintesis, memproses maklumat secara kreatif serta melakukan penilaian.	1	2	3	
	Pemimpin sekolah mempunyai pengetahuan tentang data KBAT tetapi terhad dan tidak mampu menganalisa, mensintesis, memproses dan mentafsir maklumat daripada data.	Pemimpin sekolah menggunakan pengetahuan tentang data KBAT dengan menganalisa, mensintesis, memproses dan mentafsir maklumat daripada data sebagai makluman.	Pemimpin sekolah mengintegrasikan pengetahuan tentang data KBAT setelah menganalisa, mensintesis, memproses dan mentafsir maklumat daripada data bagi menghasilkan inferens maklumat, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan secara holistik.	

DOMAIN/ITEM	SKALA			CATATAN
DOMAIN 4: PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PEMIMPIN SEKOLAH				
4.1 Pemimpin sekolah sentiasa mengkaji kekuatan dan kelemahan dalam kemajuan program.	1	2	3	
	Kualiti penilaian sendiri adalah memuaskan. Pemimpin sekolah menyemak semula semua yang dilakukan tetapi tidak cukup kerap dan penilaian adalah tidak teliti. Wujudnya program latihan namun tidak mempamerkan impak terhadap pengajaran.	Kualiti penilaian sendiri adalah baik. Pemimpin sekolah sering menyemak semula apa yang dilakukan dan menilai impak terhadap pemikiran dan pembelajaran. Program-program latihan adalah terperinci dan mempamerkan impak terhadap pembelajaran berfikir.	Kualiti penilaian sendiri adalah cemerlang . Pemimpin sekolah sering membuat semakan semula atas semua aktiviti yang dilakukan dan menilai impak terhadap pemikiran dan pembelajaran secara teliti . Penambahbaikan sentiasa berlaku untuk meningkatkan kualiti program latihan.	
4.2 Pemimpin sekolah memimpin guru mendapat peluang berbincang secara kognitif dan mempelajari kaedah untuk	1	2	3	
	Pemimpin sekolah tidak memberi cukup peluang kepada guru untuk merancang, melaksana dan menyemak semula semua kaedah pengajaran dan pembelajaran yang	Pemimpin sekolah memberi peluang bagi kepada guru untuk merancang, melaksana dan menyemak semula semua kaedah pengajaran dan pembelajaran yang	Pemimpin sekolah memberi peluang kepada guru dan guru aktif untuk merancang, melaksana dan menyemak semula semua kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan. Program	

DOMAIN/ITEM	SKALA			CATATAN
memperbaiki pengajaran dan pembelajaran.	digunakan.	digunakan.	latihan adalah terperinci dan mempamerkan impak ke arah pembelajaran kemahiran berfikir secara terancang .	
DOMAIN 5: ETOS				
5.1 Pemimpin sekolah menunjukkan komitmen untuk membudayakan kemahiran berfikir dalam hasil yang dipaparkan, cara bekerja dan hubungan antara komuniti.	<p style="text-align: center;">1</p> <p>Etos sekolah telah berubah dengan memuaskan dan ada kapasiti untuk terus melakukan penambahbaikan. Terdapat tanda yang jelas bahawa wujudnya komitmen untuk mempromosi kemahiran berfikir, namun sekolah hanya berada di tahap memuaskan sahaja kerana ia tidak dilaksanakan sepenuhnya secara konsisten. Murid tidak jelas mengenai proses-proses berfikir dalam penggunaan alat berfikir dan mereka kurang menunjukkan minat yang mendalam terhadap pembelajaran mereka.</p>	<p style="text-align: center;">2</p> <p>Etos sekolah adalah baik dan mempromosi kemahiran berfikir secara eksplisit. Sikap murid terhadap pembelajaran adalah positif secara konsisten dan mereka berminat dengan pembelajaran mereka sendiri. Mereka boleh berbicara dengan yakin dan sekolah menunjukkan kemajuan yang baik dalam melaksanakan strategi-strategi kemahiran berfikir sepenuhnya. Persekitaran sekolah bertambah baik secara signifikan dan keutamaan untuk menerapkan kemahiran berfikir telah diperlihatkan. Hasil pembelajaran murid adalah baik secara konsisten.</p>	<p style="text-align: center;">3</p> <p>Etos sekolah menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap kemahiran berfikir. Murid sentiasa berfikir dan pembelajaran boleh dicontohi. Sikap berfikir ini dipamerkan secara konsisten dalam kawasan sekolah iaitu dalam persekitaran pembelajaran yang cemerlang, kurikulum, kokurikulum dan hubungan sesama manusia. Hasil pembelajaran murid, tingkah laku dan kehadiran adalah cemerlang.</p>	

DOMAIN/ITEM	SKALA			CATATAN
5.2 Pemimpin sekolah menyediakan kerjasama secara kolaboratif dengan menghubungkan kepada rangkaian sosial melalui teknologi dan menggalakkan pembelajaran secara kooperatif	1	2	3	
	Pemimpin sekolah berkeupayaan untuk mewujudkan usaha kolaboratif dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti bercorak rutin.	Pemimpin sekolah berkeupayaan untuk menjayakan sarana sekolah dan sarana ibubapa dalam usaha membudayakan KBAT di sekolah.	Pemimpin sekolah berkeupayaan untuk menjayakan sarana sekolah dan sarana ibubapa dalam usaha membudayakan KBAT di sekolah melalui usahasama berterusan dan berlandaskan aktiviti-aktiviti bercorak inovatif .	
5.3 Pemimpin sekolah membentuk persekitaran bagi mengurus PdP, susunan murid, penggunaan bahan dan sumber pendidikan	1	2	3	
	Pemimpin sekolah menyediakan kemudahan infrastruktur asas bagi menyokong usaha membudayakan KBAT di sekolah.	Pemimpin sekolah menyediakan dan menggalakkan penggunaan infrastuktur yang menyokong pembudayaan KBAT di sekolah.	Pemimpin sekolah menyediakan dan memastikan infrastruktur yang menyokong pembudayaan KBAT digunakan secara berkesan . Infrastruktur bercorak inovasi dan penggunaan teknologi disediakan .	

Bahagian D – Pengiraan Skor dan Pencapaian	
Domain	Skor
Domain 1 – Perancangan	
Domain 2 – Pelaksanaan	
Domain 3 – Latihan	
Domain 4 – Pemantauan dan Penilaian	
Domain 5 – ETOS	
Jumlah Skor	

Peratus Pencapaian

$$= \left(\frac{\text{Jumlah Skor}}{39} \times 100 \right) = \boxed{} \%$$

PENCAPAIAN

Tidak mencapai tahap minimum pembudayaan KBAT dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan (skor < 69 %)

Mencapai tahap minimum pembudayaan KBAT dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan serta boleh dibimbing seterusnya (skor 69% - 90%)

Mencapai tahap cemerlang dan diiktiraf sebagai membudayakan KBAT dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan (Skor > 90% ke atas)

Bahagian E – Refleksi (Diisi oleh pemantau semasa menemu bual pemimpin sekolah)

1. Apa pandangan anda mengenai pembudayaan KBAT di sekolah anda?

.....
.....
.....
.....

2. Bagaimana anda boleh membuat penambahbaikan terhadap pembudayaan KBAT di sekolah anda?

.....
.....
.....
.....

Tandatangan Pemantau:

.....

Tarikh:.....